



KOPI PAHIT

Menurut berita ikhtiar bahawa tatkala membuka panggung wayang gambar Taj di Geylang Singapura seorang kadi telah membaca doa di sana untuk kesejahteraan panggung itu. Membaca doa satu perkara biasa tetapi doa kerana kesejahteraan satu panggung wayang gambar adalah satu perkara yang menjadi pertanyaan. Kadi itu tentu fikir apa salahnya baca doa asal....dan kalau diminta untuk baca doa kesejahteraan membuka sebuah kedai bar.

Doa dibaca biarlah dipandang tempat tempat dan keadaannya- tidak pagi pukul burung dan jual murah sahaja. Apa kata kadi-kadi yang lain?

Menurut keterangan yang kita dapati bahawa dalam "Peri Ada Bais" yang diberikan oleh ketua rombongan Malaya ada menyebut tentang peristiwa batu bersurat di Kuala Berang dan menyebut jika dikehendaki akan diberi keterangan kepada sesiapa yang suka hendak bertanya kelak.

Dengan kerana itu maka tatkala majlis pertanyaan terbuka kononya orang telah bertanya dalam hal ini. Apa jawab yang didapati? Bahawa ketua rombongan dari Malaya itu sendiri mengakui yang ia tidak tahu selok belok perkara ini. Demikianlah asal mula ceritanya!

Di dalam keluaran ini ada disiarkan suatu fatwa yang diberi alasan-alasannya dengan nas-nas al-Quran yang menyatakan bahawa orang-orang yang berfaham komunis dan menjadi pengikut-pengikut komunis ialah orang yang murtad. Demikian juga lingkungan-limgkungan yang serupa dengannya. Orang-orang ini tidak boleh berkahwin dengan perempuan-perempuan Islam dan

tidak boleh pula ditanam di perkuburan orang-orang Islam.

Jadi dari sekarang patut orang-orang kita Islam menapis adakah seseorang itu berfaham atau menjadi pengikut komunis. Jika sabit maka mustahak benar bagi kita menuntut supaya kalau mereka hendak berkahwin dengan perempuan Islam ditegah dan jika mati jangan dikuburkan di perkuburan orang-orang Islam, awas dan jagalah mereka!

Tatkala membidas siaran PAS Kelantan Tengku Abdul Rahman dikatakan telah berkata di antara lain-lain: "...ada pula pertubuhan yang bercorak keagamaan mengeluarkan surat-surat pekeliling menegah orang-orang Melayu berbaik dengan kafir. Tujuannya itu hendak merosakkan persahabatan UMNO-MCA bukanlah tujuannya hendak menghapuskan penjajah. Hanya tuannya yang patut dihormati dan disembah." Akhir perkataan Tengku ini adalah perkataan yang sangat pedih Dihadapkan kepada PAS Kelantan kerana orang-orang Islam hanya menyembah British pada hal iktikad orang-orang Islam hanya Tuhan sahaja yang disembah. Apakah tuduhan yang serupa ini tidak satu penghinaan terhadap orang-orang PAS? Jawabnya terpulang kepada fikiran masing-masing.

Perkara Khadijah Siddiq supaya dipecat daripada jawatannya semakin kuat disuarakan oleh UMNO Johor (Ibu pejabat?-P.). perkara rumah tangga sendiri ini harus ada apa-apanya dan kejadian ini harus diperhatikan oleh Tengku sendiri dengan saksama supaya jangan nanti ada lingkungan-lingkungan atau golongna-golongan di dalam UMNO yang hendak menjalankan kemahuan mereka sendiri dengan tidak diasaskan di dalam mesyuarat. Kalau perkara ini sebenarnya perkara rumah tangga keluar- diputuskan sahaja di dalam mesyuarat lebih baik supaya jangan ada pengaruh-pengaruh digunakan -maklumlah keadaan sekarang.-Cemeti al-Farouk.